



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SARAWAK**

Tingkat 6, Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Hj. Bujang
Jalan Simpang Tiga
93594 KUCHING, SARAWAK
MALAYSIA

Tel : 6082-254144
Faks : 6082-256991
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/sarawak/>

Ruj.Kami : JANSWK/07/1101/4 Jld.2 (25)

Tarikh : 25/6/21

Pusat Tanggungjawab dan Pusat Terimaan
Seliaan JANM Negeri Sarawak

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN BAGI PERMOHONAN PEMUSNAHAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa tanggungjawab kelulusan pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan selaras dengan AP150 kini telah diberikan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Sarawak bagi permohonan daripada Pusat Tanggungjawab dan Pusat Terimaan di bawah seliaan JANM Negeri Sarawak.

3. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan dikehendaki mengemukakan permohonan tersebut ke Unit Naziran, JANM Negeri Sarawak berserta dengan dokumen-dokumen berikut untuk tujuan kelulusan:

- 3.1 Surat litup permohonan pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan;
- 3.2 Senarai rekod kewangan dan perakaunan yang hendak dimusnahkan (Borang Kewangan – Arkib 4/08);
- 3.3 Surat kebenaran/kelulusan daripada Jabatan Arkib Negara dan Jabatan Audit Negara (wajib);
- 3.4 Surat kebenaran/kelulusan daripada SPRM dan Audit Dalam Kementerian (jika ada).

4. Sekiranya pihak YBhg. Dato'/tuan/puan mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan dengan perkara ini sila menghubungi Unit Naziran JANM Negeri Sarawak untuk keterangan lanjut.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, featuring a large, stylized initial 'H' followed by a series of loops and a long horizontal stroke extending to the right.

.....
HUSAINI BIN ABU CPFA, ACPA, C.A(M)

Pengarah Negeri Sarawak

JANM Negeri Sarawak